



**SERDANG, 1 Julai** – Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi menekankan bahawa pelajar UPM yang bergraduan perlu lebih *functional* melalui kursus kokurikulum berkredit yang ditawarkan oleh pihak universiti.

Kursus kokurikulum berkredit itu diharapkan dapat membentuk budaya pelajar yang *functional* melalui kemahiran yang dipelajari oleh mereka melalui teori di dalam kelas dan secara praktikal di luar kelas.

"Tenaga pengajar diseru supaya mewujudkan peluang pembelajaran di dalam kampus di mana tidak semua dapat dipelajari dalam kelas. Pembelajaran waktu kelas kokurikulum berkredit perlu seiringan bagi menghasilkan pelajar yang berkualiti tinggi.



"Tenaga pengajar juga diminta untuk mengamalkan sistem pembelajaran secara timbal balik iaitu pengajar perlu memberi peluang kepada pelajar untuk menjana idea tersendiri dan berkongsi bersama tenaga pengajar yang lain," kata beliau ketika merasmikan bengkel Pembentukan dan Pemantapan *Generic Student Attributes* Melalui Kursus Kokurikulum Berkredit.

Beliau turut menyatakan bahawa diwujudkan satu majlis perkongsian pelajar iaitu 'Sharing Of The Best Practices' bersama mereka yang berjaya dalam bidang akademik dan kokurikulum berdasarkan *evidence* perlu diwujudkan agar dapat memberikan semangat dan sumber inspirasi kepada pelajar-pelajar tersebut.



Berita ditulis oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MARCOMM) (Mohd Faisal Md Noor 03-8946187), Gambar disumbangkan oleh Unit Foto MARCOMM, Noorazreen Awang 03-89466199).

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia